

# Pusat tidak akan halang Kerajaan Pas Terengganu bina lebuh raya

UM 10 MAY 2002

KERTIH 9 Mei — Kerajaan Pusat tidak akan menghalang kerajaan Pas Terengganu daripada meneruskan usaha membina lebuh rayanya sendiri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan negeri itu boleh membina lebuh raya itu seperti yang dirancangkan.

“Tak mengapalah, tiada masalah. Kita tiada halangan,” katanya kepada pemberita pada sidang media selepas merasmikan Kompleks Perindustrian Petroleum Petronas di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan *Utusan Malaysia* hari ini bahawa kerajaan Pas telah memete-

ri perjanjian dengan sebuah syarikat asing bagi melaksanakan projek lebuh raya dari sempadan Pahang hingga Kelantan.

Kerajaan negeri mendakwa projek yang dijangka dimulakan pada awal tahun depan itu adalah sebagai alternatif setelah Kerajaan Pusat seolah-olah tidak menunjukkan minat untuk menyegerakan pelaksanaan projek Lebuh Raya Pantai Timur (LPT) membabitkan Terengganu.

Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Komunikasi Negeri, Yahaya Ali dipetik sebagai berkata bahawa beliau percaya Kerajaan Pusat akan menghormati keputusan itu.

Ditanya sama ada peruntukan di

bawah Program Pembiayaan Wang Ehsan (PPWE) untuk negeri Terengganu dapat turut digunakan untuk pembinaan lebuh raya di negeri ini, Perdana Menteri berkata, ia berdasarkan keperluan.

“Kita tengoklah kalau ada keperluan untuk itu, tetapi jumlah trafik tak cukup untuk kutip tol” ujar Dr. Mahathir.

Menyentuh mengenai keberkesanan penyaluran wang ihsan untuk rakyat yang telah dilakukan selama dua tahun, beliau berkata, ia akan diteruskan.

“Wang ihsan dibelanjakan untuk rakyat Terengganu. Apa sahaja projek yang mendatangkan manfaat kita akan lakukan,” katanya.